

Tajuk : Penduduk bangga program keluarga angkat UNIMAS

Penduduk bangga program keluarga angkat UNIMAS



TAHNIAH ... Penghulu Kampung Melayu Betong, Haji Abang Zawawie Rajit sedang menyampaikan sijil kepada salah seorang pengawas sekolah semasa Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah Sekolah Kebangsaan (SK) Abang Abdul Kadir Betong, semalam.

BETONG, Selasa — Penduduk Kampung Melayu Betong melahirkan rasa gembira apabila kampung itu sekali lagi dipilih oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai penempatan bagi program Keluarga Angkat yang akan berlangsung pada 23 hingga 25 November ini.

Penghulu Kampung Melayu Betong, Haji Abang Zawawie Rajit berkata, mereka sememangnya mengalu-alukan kehadiran pihak universiti itu kerana pelbagai manfaat bersama dapat diperolehi daripada program berkenaan.

“Program kerjasama antara universiti dan masyarakat kampung ini juga sekali gus dapat memberi ruang kepada para graduan untuk mengenali adat resam masyarakat setempat.

“Bukan itu sahaja, dalam usaha membentuk sahsiah terbaik pelajar meneruskan pendidikan akademik di Universiti, pergaulan bersama masyarakat sekeliling adalah perlu bagi memberi ruang graduan untuk berdamping bersama masyarakat sekeliling dan mengenali keadaan persekitaran bagi menambah pengetahuan diri dalam menempuhi masa-masa

akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian berucap merasmikan Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah Sekolah Kebangsaan (SK) Abang Abdul Kadir Betong yang berlangsung di Dewan Sri Abadi di sini, hari ini.

Tambahnya, pemilihan tarikh pada musim cuti persekolahan juga dilihat dapat memberi kesempatan kepada anak-anak kampung itu turut serta dalam setiap aktiviti yang dijalankan nanti.

Menurutnya lagi, penduduk kampung yang mahu mengambil anak angkat dalam kalangan

graduan berkenaan bolehlah memaklumkan kepada beliau disenaraikan dalam program tersebut nanti.

“Saya yakin program ini dapat memberi semangat kepada anak-anak yang masih belajar di peringkat sekolah rendah dan menengah untuk mengikut langkah graduan yang telah berjaya melangkah ke menara gading,” ujarnya.

Terdahulu, beliau dalam ucapannya mengharapkan kerjasama daripada ibu bapa dalam membantu pihak sekolah memajukan pendidikan anak mereka.

“Ia termasuk menyediakan mereka dengan kelengkapan serta didikan moral yang sempurna demi kemajuan pembelajaran dan masa hadapan yang baik.

“Selain itu, ajar anak-anak dengan didikan yang sempurna serta akhlak yang mulia. Ini jelas apabila anak-anak mendapat didikan awal yang terbaik akan berjaya,” ujarnya.

Bercerita mengenai majlis, seramai 65 pelajar tahun enam telah menerima sijil tamat tahun enam.

Turut disampaikan Hadiah Kecemerlangan kanak-kanak Prasekolah untuk 47 pelajar manakala 100 penerima hadiah Kecemerlangan dalam kelas masing-masing.

Selain itu turut disampaikan Sijil Penghargaan Pengawas Sekolah dan Sijil Penghargaan Ketua Kelas.

Hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Pengerusi Yang Dipertua PIBG, Allen Sambau, Ketua-ketua kampung, guru-guru dan para ibubapa pelajar.